

## **Analisis Persamaan dan Perbezaan Dua Filem Berunsurkan Pendidikan dari Sudut Lakuan Pertuturan**

*Analysis of the Similarities and Differences Between Two Education-Based Films from the  
Perspective of Speech Acts*

Wan Nor Azlina Abdullah\* & Mohamad Rozi Kazim  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

\*Correspondence email: [wannorazlina00@gmail.com](mailto:wannorazlina00@gmail.com)  
[mrozi@fbk.upsi.edu.my](mailto:mrozi@fbk.upsi.edu.my)

**Published:** 24 Oktober 2024

**To cite this article (APA):** Abdullah, W. N. A., & Kazim, M. R. (2024). Analysis of the Similarities and Differences Between Two Education-Based Films from the Perspective of Speech Acts. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 17(2), 52–63. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.2.5.2024>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.2.5.2024>

### **Abstrak**

Kajian ini merupakan kajian yang berkaitan analisis persamaan dan perbezaan dua filem berunsurkan pendidikan dari sudut lakuan pertuturan. Lakuan pertuturan merupakan ujaran yang mempunyai makna mengikut konteks tertentu. Kajian ini bertujuan untuk menghuraikan persamaan dan perbezaan lakuan yang diujarkan antara filem 'Adiwiraku' dengan filem 'Yek Icin Mahak'. Reka bentuk kajian ini ialah kualitatif iaitu analisis kandungan teks ujaran dialog yang berkaitan dengan lakuan pertuturan Searle (1969) dan kaedah kepustakaan untuk mendapatkan maklumat dengan lebih mendalam. Kajian ini melibatkan dua buah filem berunsurkan pendidikan iaitu filem 'Adiwiraku' dan filem 'Yek Icin Mahak'. Hasil dapatan kajian mendapati terdapat persamaan dan perbezaan lakuan pertuturan dalam kedua-dua filem ini dapat dilihat dari pelbagai aspek bukan sahaja dari segi kategori dan subkategori namun juga melibatkan penggunaan ayat, kata, bahasa, intonasi, status sosial, perkataan, faktor kawasan dan persekitaran, latar belakang murid serta bidang dan subjek yang diajar oleh guru. Hal ini menunjukkan terdapat perbandingan dari segi pertuturan walaupun kedua-dua filem ini berunsurkan pendidikan. Secara keseluruhannya, kajian ini diharapkan dapat membantu seseorang lebih memahami makna disebalik ujaran yang dituturkan.

**Kata kunci:** Lakuan pertuturan, filem, pendidikan, guru/hari guru

### **Abstrak**

This research involves the analysis of similarities and differences between two educational films from the perspective of speech acts. Speech acts are utterances that have meaning according to a specific context. This research aims to describe the similarities and differences in the speech acts uttered between the film 'Adiwiraku' and the film 'Yek Icin Mahak'. The research design is qualitative, involving content analysis of the speech text in the dialogues related to Searle's (1969) speech act theory and library research methods to obtain more in-depth information. This study involves two educational films, namely 'Adiwiraku' and 'Yek Icin Mahak'. The findings show that there are similarities and differences in the speech acts in both films, observable from various aspects not only in terms of categories and subcategories but also involving the use of sentences, words, language, intonation, social status, vocabulary, regional and environmental factors, students' backgrounds and the subjects taught by the teachers. This indicates that there is a comparison in terms of speech even though both films are educational. Overall, this study is hoped to help individuals better understand the meaning behind the uttered speech.

**Keywords:** Speech act, film, education, teacher/teacher's day

## **PENGENALAN**

Tayangan filem-filem sempena hari guru berunsurkan pendidikan mampu membuatkan penonton lebih menghargai kesungguhan dan semangat golongan pendidik anak bangsa ini. Tarikh 16 Mei merupakan hari yang cukup bermakna bagi semua warga pendidik atas jasa dan pengorbanan mereka mendidik serta mencorak generasi pemimpin negara pada masa akan datang. Guru adalah nadi penggerak utama yang sentiasa berkorban masa dan tenaga untuk melahirkan insan yang berilmu dan mempunyai jati diri yang beridentiti Malaysia. Tugas menjadi seorang guru bukanlah mudah kerana golongan pendidik ini mempunyai tanggungjawab dan amanah yang besar dalam mendidik serta mengajar anak-anak bangsa menjadi insan yang berguna. Mereka banyak berkorban dan nilai pengorbanan mereka ini tidak mampu dibeli dengan wang ringgit. Kisah pengorbanan dan perjuangan seorang guru dalam sesebuah filem telah banyak memberi kesedaran tentang betapa pentingnya tugas mendidik anak bangsa dalam memastikan masa depan mereka terjamin.

Filem merupakan media yang begitu popular dan telah menjadi satu industri besar di Malaysia. Filem yang dihasilkan dan ditayangkan selalunya mencerminkan budaya dan kebiasaan masyarakat sesebuah negara. Menurut Norsimah Mat Awal & Marlyna Maros (2021), filem merupakan cerminan masyarakat yang dizahirkan melalui bentuk visual dan dialog serta perilaku pelakon-pelakonnya dan digarap menjadi satu idea seni yang kreatif. Begitu juga dengan karya filem berunsurkan pendidikan yang memaparkan kegigihan seorang guru mendidik pelajar sama ada di sekolah luar bandar atau pedalaman. Karya filem ini mengandungi beberapa aspek yang mencerminkan lakuan pertuturan dalam konteks pendidikan yang berkait rapat dengan cara guru bertindak balas terhadap lakuan yang diperolehi dan cara murid menyatakan sesuatu. Filem bukan sahaja berfungsi sebagai wadah untuk pembelajaran tetapi juga menunjukkan keberkesannya dalam menyampaikan ideologi dan dijadikan alat bantu mengajar.

Lakuan pertuturan merupakan ujaran atau pertuturan seharian yang memberi makna tertentu mengikut konteks tertentu. Lakuan pertuturan sentiasa berlaku dalam komunikasi harian melibatkan pelbagai medium komunikasi dalam menyampaikan mesej dan maklumat. Menurut Siti Nur Adibah Sabarudin dan Aminuddin Saimon (2021), setiap ujaran yang diucapkan dalam bentuk komunikasi sama ada dalam bentuk tulisan atau lisan mempunyai lakuan yang tertentu. Lakuan pertuturan dalam sesebuah filem memainkan peranan penting dalam menyampaikan cerita, membina identiti watak dan menarik perhatian penonton. Kajian berkaitan lakuan pertuturan dalam sesebuah filem dilakukan bertujuan untuk melihat sejauhmana lakuan pertuturan yang diujarkan mampu menjadi medium komunikasi untuk menyampaikan mesej kepada masyarakat. Kajian yang dilakukan ini berfokus kepada lakuan pertuturan yang terdapat dalam filem-filem yang berunsurkan pendidikan dalam konteks pengajaran dan pembelajaran.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Kajian ini dijalankan bagi menganalisis lakuan pertuturan yang terdapat dalam filem berunsurkan pendidikan. Antara permasalahan utama yang menyebabkan kajian ini dilakukan ialah penonton tidak dapat memahami mesej yang terkandung dalam filem dengan jelas. Kekurangan pemahaman tentang lakuan pertuturan akan menimbulkan masalah kepada penonton. Hal ini dikatakan demikian kerana lakuan pertuturan adalah aspek yang paling sukar untuk penonton menentukan penggunaannya apabila melibatkan kategorinya yang terdapat dalam teori lakuan pertuturan Searle (1969). Lakuan yang diujarkan oleh penutur mempunyai makna tertentu. Oleh sebab itu, pentingnya penonton memahami mesej yang terkandung dalam lakuan pertuturan semasa menonton filem. Kenyataan ini dipersetujui oleh Aminuddin Saimon (2021) bahawa penggunaan lakuan pertuturan yang jelas merupakan elemen penting dalam sesebuah filem bagi memastikan plot naratif itu berkembang dan disampaikan dengan mudah.

Selain itu, permasalahan melibatkan penggunaan bahasa tersirat dalam lakuan pertuturan yang tidak difahami oleh penonton. Penerapan bahasa tersirat dalam lakuan pertuturan sebagai agen pemaparan budaya masyarakat dilihat sangat penting. Walau bagaimanapun, lakuan pertuturan bahasa tersirat yang dipaparkan dalam filem ini sukar untuk ditafsirkan oleh penonton kerana mereka menganggapnya mempunyai makna yang berbeza daripada struktur ayat yang sebenar. Hal ini

bertepatan dengan kenyataan Mustafa Atan (2010) bahawa masyarakat Melayu menggunakan pelbagai bentuk bahasa dalam ujaran-ujaran bertujuan untuk menyampaikan mesej atau maksud seperti pernyataan yang berlebihan, bahasa sindiran, bahasa kiasan, metafora dan ketidaksesuaian masyarakat konteks. Proses komunikasi akan berjalan lancar tanpa gangguan apabila makna sebenar ujaran difahami oleh pendengar. Pemahaman makna sebenar dalam ujaran tersirat kebanyakan bergantung kepada niat dan interpretasi pendengar.

Akhir sekali, masalah kepelbagaian bahasa dalam filem yang sukar dikenal pasti juga merupakan salah satu permasalahan kajian ini. Kepelbagaian bahasa dalam filem memerlukan penonton memahami lakuan pertuturan yang diujarkan dengan lebih mendalam kerana terdapat banyak percampuran kod seperti bahasa Inggeris dan penggunaan dialek. Masalah ini akan menyukarkan penonton untuk memahami hajat komunikatif penutur dalam menyampaikan maklumat, mesej dan tujuan komunikasi dengan lebih mendalam. Hal ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Maya Khemlani David (2015) mendapati bahawa lakuan bahasa yang digunakan dalam filem mempunyai pelbagai varian dan keberkesanan sesuatu komunikasi bergantung kepada penggunaan bahasa. Kajian lakuan pertuturan ini perlu dilakukan bagi pengkaji bagi melihat lakuan pertuturan sebagai satu bentuk komunikasi yang penting dan mempunyai keupayaan dalam menyampaikan pelbagai permasalahan dalam filem-filem yang ditayangkan.

Berdasarkan permasalahan kajian yang telah dikenal pasti, kajian ini akan menganalisis sejauhmanakah persamaan dan perbezaan lakuan pertuturan dalam filem berunsurkan pendidikan. Hal ini dikatakan demikian kerana lakuan pertuturan dalam filem-filem berunsurkan pendidikan kurang dibincangkan. Melalui analisis lakuan pertuturan dalam filem yang berunsurkan pendidikan ini, para pendidik serta pembaca dapat mengetahui dengan lebih mendalam tentang aspek-aspek lakuan pertuturan yang terdapat dalam filem tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana lakuan pertuturan merupakan aspek yang begitu sukar untuk dikenal pasti ditambah pula dengan penggunaan bahasa tersirat dan kepelbagaian bahasa yang sukar untuk dikenal pasti dalam filem. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk menganalisis persamaan dan perbezaan lakuan pertuturan yang terdapat dalam dua filem yang berunsurkan pendidikan.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Menghuraikan persamaan lakuan pertuturan yang diujarkan antara filem 'Adiwiraku' dengan filem 'Yek Icin Mahak'.
2. Menghuraikan perbezaan lakuan pertuturan yang diujarkan antara filem 'Adiwiraku' dengan filem 'Yek Icin Mahak'.

## **SOROTAN LITERATUR**

Salah satu kajian lepas mengenai lakuan pertuturan ialah kajian Nur Asyiqin Iylia Zaini dan Aminuddin Saimon (2023) yang bertajuk 'Pancaran Akal Budi Dalam Filem Semerah Padi: Analisis Lakuan Bahasa'. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti lakuan bahasa yang mencerminkan akal budi dalam filem Semerah Padi. Kaedah kualitatif telah digunakan dalam kajian ini melibatkan analisis kandungan teks dan data yang diperoleh daripada filem Semerah Padi (1956) akan dianalisis menggunakan teori lakuan bahasa Searle (1969). Kajian ini akan mematuhi lima prinsip yang terdapat dalam teori tersebut iaitu asertif, direktif, komisitif, ekspresif, dan deklaratif. Hasil dapatan kajian ini mendapati sebanyak 248 lakuan bahasa dalam filem Semerah Padi. Lakuan asertif ialah lakuan yang paling tinggi iaitu sebanyak 113 diikuti dengan lakuan direktif sebanyak 83 dan lakuan ekspresif sebanyak 37. Lakuan komisitif mencatatkan data sebanyak 10 dan yang paling sedikit data ialah lakuan deklaratif sebanyak 5. Ujaran lakuan bahasa yang terdapat dalam Filem Semerah Padi memainkan peranan penting dalam mentafsir akal budi seseorang. Dengan ini, kajian Nur Asyiqin Iylia Zaini dan Aminuddin Saimon boleh menjadi rujukan tambahan untuk kajian ini kerana kajian tersebut

menggunakan lima jenis lakuan pertuturan iaitu asertif, direktif, komisif, deklaratif dan ekspresif. Oleh itu, kajian tersebut boleh menjadi panduan untuk menganalisis data yang diperoleh menggunakan teori Searle (1969).

Selain itu, kajian Dorinë Rakaj (2023) yang bertajuk ‘An Analysis of Speech Acts in the Movie Hive’ bertujuan untuk melihat jenis lakuan pertuturan yang diujarkan oleh watak utama dalam filem Hive. Jenis ilokusi yang dihasilkan oleh Fahrige iaitu watak utama dalam filem ini akan dianalisis menggunakan kaedah kajian kuantitatif dan kualitatif. Hasil analisis data menggunakan teori lakuan pertuturan Searle (1969) menunjukkan bahawa watak utama yang terdapat dalam filem ini menggunakan empat jenis lakuan pertuturan dalam ujarannya iaitu representatif sebanyak 37.3%, direktif sebanyak 35.5%, ekspresif sebanyak 13.6% dan komisif sebanyak 13.6%. Lakuan deklaratif tidak diujarkan oleh watak utama dalam filem tersebut. Dengan ini, kajian yang dilakukan oleh Dorinë Rakaj boleh dijadikan panduan untuk kajian ini kerana menggunakan teori lakuan pertuturan Searle (1969).

Seterusnya, kajian Miroslav Cerny (2017) yang bertajuk ‘On the Function of Speech Acts in Doctor-Patient Communication’ bertujuan untuk menganalisis fungsi dan watak pertuturan dalam komunikasi antara doktor dengan pesakit. Kaedah kajian ini melibatkan temu bual antara doktor dan pesakit yang terdiri daripada lima pakar perubatan. Hasil kajian menunjukkan bahawa lakuan bahasa yang kerap digunakan dalam komunikasi antara doktor dengan pesakit ialah lakuan asertif makluman. Pengkaji telah menggunakan Teori Lakuan Bahasa Searle (1969) yang terdiri daripada lima kategori iaitu pernyataan, pertanyaan, jawapan, direktif dan reaktif untuk menganalisis data. Kebanyakan direktif pertanyaan tertutup digunakan dalam kajian ini di mana lakuan ini bertujuan untuk memastikan pendengar menjawab soalan penutur dengan jawapan yang pendek dan tepat. Dapatan yang diperoleh menunjukkan kajian ini boleh dijadikan manfaat kerana menggunakan ayat yang ringkas, pendek dan padat yang dapat membantu pendengar memahami apa yang diucapkan dan mengelakkan salah faham berlaku antara penutur dengan pendengar. Oleh itu, kajian Miroslav Cerny boleh dijadikan rujukan dan panduan untuk kajian ini kerana kajian tersebut menggunakan teori Searle (1969) yang dikelaskan kepada lima kategori.


Akhir sekali, kajian Norajihah Muda dan Raja Masittah Raja Ariffin (2014) yang bertajuk ‘Makna Ungkapan Dalam Perbualan Kanak-Kanak Perempuan’ bertujuan untuk menganalisis ungkapan yang mengandungi makna dalam perbualan kanak-kanak perempuan. Kajian yang dilakukan ini berkait rapat dengan kajian makna yang berunsurkan pragmatik. Melalui kajian ini, kita dapat lihat makna sentiasa ada dalam aspek komunikasi perbualan mengikut konteksnya. Bagi analisis data dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah kepustakaan dan kaedah lapangan. Kaedah kepustakaan melibatkan pembacaan untuk mendapatkan pelbagai maklumat. Semasa temu bual dijalankan bersama-sama responden, pengkaji mencatat maklumat kajian dan merakamkan perbualan tersebut. Teori Imej akan digunakan untuk menganalisis data yang diperoleh. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa perbualan kanak-kanak mengandungi makna dan unsur pragmatik yang berbeza daripada pandangan orang dewasa. Hal ini dikatakan demikian kerana sudut pandangan kanak-kanak begitu ketara perbezaannya berdasarkan konteks dan pemahaman mereka.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Reka bentuk kajian ini menggunakan data-data yang diperoleh daripada kajian kualitatif melibatkan analisis kandungan teks. Kajian ini telah memilih dua buah filem yang berunsurkan pendidikan iaitu filem ‘Adiwiraku’ dan filem ‘Yek Icin Mahak’. Fokus kajian ini ialah analisis teks ujaran dialog yang berkait rapat dengan lakuan pertuturan Searle (1969). Dialog-dialog yang diujarkan oleh watak dalam filem akan dikeluarkan dan ditranskripsi ke dalam bentuk teks dan dikategorikan mengikut lakuan pertuturan dan subkategorinya masing-masing. Selepas itu, lakuan pertuturan yang terdapat dalam kedua-dua filem ini akan dianalisis dengan lebih kritis untuk melihat sejauhmana persamaan dan perbezaan yang terdapat dalam lakuan tersebut. Sumber rujukan yang berkaitan dengan tajuk kajian juga dikumpulkan melalui kaedah kepustakaan. Menurut Zuraini Ramli et al. (2023) sumber daripada perpustakaan memudahkan

penyelidik mendapatkan bahan khususnya bahan berbentuk pangkalan data dalam talian. Selain itu, bahan bacaan yang terdiri daripada buku, jurnal, prosiding dan tesis juga boleh didapati dengan mudah di perpustakaan. Bahan-bahan rujukan ini dapat memperkayakan maklumat bagi memperkukuhkan sesuatu kajian sehingga kajian yang dihasilkan benar-benar menyeluruh dan kukuh. Akhir sekali, proses penelitian dan semakan terhadap dialog yang dikeluarkan dilakukan dengan lebih mendalam supaya data berkaitan dengan perbandingan dalam kedua-dua filem ini dapat diperoleh dengan tepat.

### Kerangka Teoritis




**Rajah 1:** Kategori-kategori Lakuan Pertuturan Searle (1969)  
**Sumber:** Dipetik dan diubahsuai daripada Searle (1969)

### DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini dijalankan untuk menganalisis persamaan dan perbezaan dua filem berunsurkan pendidikan dari segi lakuan pertuturan. Hasil analisis ujaran dialog yang dikeluarkan daripada kedua-dua filem ini menunjukkan terdapat persamaan dan perbezaan dari segi penggunaan lakuan pertuturan.

### **Persamaan dari Segi Penggunaan Lakuan Pertuturan antara Filem ‘Adiwiraku’ dan Filem ‘Yek Icin Mahak’**



**Rajah 2:** Persamaan lakuan pertuturan antara filem ‘Adiwiraku’ dan filem ‘Yek Icin Mahak’

Persamaan yang dapat dilihat dalam kedua-dua filem ini ialah kategori lakuan pertuturan berdasarkan teori lakuan pertuturan Searle (1969) iaitu lakuan pertuturan direktif, asertif, ekspresif dan komisif. Persamaan juga dapat dilihat di mana lakuan pertuturan deklaratif tidak terdapat dalam kedua-dua filem ini. Dalam konteks pendidikan, lakuan direktif tidak diujarkan dalam filem-filem ini kerana tiada situasi yang memerlukan lakuan ini diujarkan seperti pengisytiharan, memecat seseorang atau mengumumkan sesuatu keputusan rasmi. Fokus dan konteks filem-filem berunsurkan pendidikan ini lebih menekankan lakuan pertuturan lain yang lebih relevan dan dinamik untuk menyampaikan mesej pendidikan. Subkategori lakuan direktif yang terdapat dalam kajian ini ialah lakuan pertanyaan, permintaan, permisif, arahan dan nasihat. Lakuan asertif pula melibatkan lakuan makluman, pernyataan dan pengakuan. Lakuan ekspresif yang terdapat hasil analisis dapatan kajian ialah lakuan permohonan maaf, penerimaan, sapaan, simpati, terima kasih dan pujian. Lakuan komisif yang terdapat dalam filem ‘Adiwiraku’ ialah penawaran, perjanjian dan penolakan namun begitu dalam filem ‘Yek Icin Mahak’ tidak terdapat subkategori lakuan penawaran dalam lakuan komisif. Persamaan kedua-dua filem ini juga dapat dilihat melalui lakuan direktif dari segi penggunaan kata. Penutur yang mengujarkan lakuan direktif pertanyaan dalam kedua-dua filem ini menggunakan ayat tanya yang mengandungi kata tanya yang membawa maksud yang sama walaupun dieja berlainan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris seperti apa (what), siapa (who), mengapa (why), di mana (where), kenapa (why) dan bila (when) bagi tujuan menanyakan sesuatu. Melalui lakuan direktif yang diujarkan oleh penutur dalam kedua-dua filem ini, pendengar perlu melakukan tindakan iaitu memberi jawapan terhadap apa yang ditanya oleh pendengar.

Selain itu, persamaan juga dapat dilihat melalui lakuan direktif yang diujarkan oleh penutur dalam kedua-dua filem ini dari segi penggunaan ayat tanya terbuka dan ayat tanya tertutup. Jawapan pendengar untuk ayat tanya terbuka tidak terhad kepada perkataan ya (yes), tidak atau bukan (no) sebaliknya bergantung kepada makna yang terkandung dalam lakuan pertanyaan tersebut. Jawapan pendengar bagi pertanyaan secara tertutup pula melibatkan perkataan ya (yes), tidak atau bukan (no). Penggunaan kata dalam lakuan direktif permintaan untuk filem-filem ini juga sama iaitu melibatkan kata permintaan. Penutur dalam kedua-dua filem ini menggunakan lakuan permintaan secara langsung dan tidak langsung. Berdasarkan filem ‘Adiwiraku’, makna di sebalik lakuan tersebut dapat difahami oleh pendengar walaupun kata permintaan tidak digunakan dan disebut dalam ujaran semasa membuat permintaan. Kata permintaan yang kebanyakan diujarkan oleh watak dalam filem ini ialah please dan can. Lakuan direktif permintaan dalam filem ‘Yek Icin Mahak’ pula melibatkan ujaran yang mempunyai kata permintaan seperti tolong, mohon dan boleh dengan tujuan permintaan dan

pertolongan. Konteks penggunaan lakuan direktif permintaan dalam kedua-dua filem ini digunakan secara sopan dan penuh hormat semasa seseorang membuat permintaan. Walaupun ejaannya kata permintaan berbeza dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris namun perkataan ini masih membawa makna yang sama.

Seterusnya, persamaan yang dapat dilihat melalui kedua-dua filem ini ialah penggunaan kata disertai dengan penegasan atau alasan yang munasabah dalam lakuan direktif. Misalnya, perkataan 'dulu' dalam ujaran 'tok, balik dulu ya' dan 'pak, kemboja pergi sekolah dulu' mengandungi penegasan yang menerangkan kata kerja iaitu 'balik' dan 'pergi'. Penegasan disertakan supaya pendengar memahami ujaran yang diujarkan dan memberi keizinan kepada penutur. Lakuan asertif ialah lakuan yang kedua paling banyak digunakan dalam kedua-dua filem ini. Tujuan lakuan asertif digunakan dalam filem-filem ini adalah hampir sama iaitu menyampaikan sesuatu maklumat, menambah maklumat sedia ada atau baharu, menyatakan atau memberikan keterangan tentang sesuatu perkara yang boleh dipercayai. Lakuan asertif juga digunakan oleh watak-watak dalam filem ini untuk membuat penafian terhadap sesuatu perkara. Misalnya, membuat pengakuan terhadap susunan fakta yang salah. Walaubagaimanapun, konteks dan situasi penggunaan lakuan asertif berbeza antara kedua-dua filem ini berbeza. Sebagai contoh, penutur dalam filem 'Adiwiraku' iaitu guru memberi maklumat berkaitan dengan pertandingan choral speaking. Manakala filem 'Yek Icin Mahak' pula guru memberi maklumat kepada pendengar tentang sesuatu yang relevan iaitu keadaan dan cabaran mengajar di sekolah orang Asli yang mungkin berbeza dengan sekolah biasa. Penggunaan lakuan asertif pernyataan dalam kedua-dua filem ini berkait dengan ciri-ciri yang ada pada seseorang dan situasi sesuatu peristiwa berlaku. Begitu juga dengan lakuan pengakuan yang digunakan untuk memperbetulkan persepsi yang salah terhadap dirinya dan mengakui kesalahan yang dilakukan.

Persamaan dari segi subkategori yang terdapat dalam lakuan asertif dalam filem 'Adiwiraku' dan filem 'Yek Icin Mahak'. Subkategori lakuan asertif yang terdapat dalam kedua-dua filem ini ialah lakuan maklumat, pernyataan dan pengakuan. Lakuan maklumat digunakan oleh watak-watak dalam kedua-dua filem ini bertujuan untuk menyampaikan sesuatu maklumat kepada pendengar, menambah maklumat yang sedia ada dan maklumat baharu. Misalnya, guru menggunakan lakuan ini untuk memberi maklumat tentang prestasi murid dan cabaran mengajar di sekolah Asli yang mungkin berbeza dengan sekolah biasa. Lakuan pernyataan juga digunakan dalam kedua-dua filem ini bertujuan untuk seseorang membuat sesuatu pernyataan dan memberi keterangan tentang sesuatu perkara. Sebagai contoh, murid dalam menyatakan fakta tentang ketidakhadiran ke sekolah terlalu lama yang berkemungkinan sudah dibuang oleh pihak sekolah dan guru menyatakan ciri-ciri yang ada pada seorang yang berpotensi menjadi pemimpin pada masa akan datang. Manakala lakuan pengakuan yang terdapat dalam filem-filem ini mempunyai nilai benar dalam ujarannya dan bertujuan untuk memperbetulkan sesuatu fakta. Contohnya, murid membuat pengakuan tentang ketidakhadirannya ke sekolah dan membetulkan kesalahan maklumat daripada pendengar.


Persamaan dari segi subkategori yang terdapat dalam lakuan ekspresif dalam filem 'Adiwiraku' dan filem 'Yek Icin Mahak'. Subkategori lakuan ekspresif yang terdapat dalam kedua-dua filem ini ialah lakuan permohonan maaf, penerimaan, sapaan, simpati, terima kasih dan pujian. Lakuan yang terdapat dalam subkategori lakuan ekspresif ini menunjukkan amalan kesantunan berbahasa yang diujarkan oleh watak-watak dalam kedua-dua filem. Lakuan permohonan maaf diujarkan untuk meminta maaf mengakui kesalahan yang dilakukan makala lakuan sapaan yang diujarkan dalam kedua-dua filem ini menunjukkan amalan kesantunan dan adab orang Melayu yang digunakan oleh penutur sebagai tanda hormat kepada pendengar. Lakuan terima kasih banyak diujarkan oleh watak-watak dalam kedua-dua filem sebagai tanda penghargaan dan menghargai jasa seseorang. Lakuan pujian pula diujarkan dalam filem-filem bertujuan untuk memuji tingkahlaku atau kejayaan yang diperoleh oleh seseorang. Pujian yang diberikan dengan ikhlas dapat membantu meningkatkan semangat dan memotivasikan seseorang untuk terus melakukan sesuatu yang membanggakan pada masa akan datang. Subkategori yang terdapat dalam lakuan ini mempunyai banyak ciri-ciri lakuan yang perlu ada dalam diri seorang pendidik melibatkan emosi dan perasaan.

Persamaan lakuan pertuturan bagi filem 'Adiwiraku' dan filem 'Yek Icin Mahak' juga dapat dilihat melalui penggunaan bahasa yang lembut, sopan dan tidak mengguriskan perasaan lawan tutur atau pendengar yang boleh dikenali juga sebagai amalan kesantunan bahasa. Penggunaanya banyak melibatkan lakuan ekspresif yang mana ujarannya banyak mengandungi bahasa-bahasa yang tidak menyinggung perasaan orang lain yang mendengarnya seperti permohonan maaf, sapaan, terima kasih

dan pujian. Amalan kesantunan bahasa ini boleh mewujudkan rasa penghormatan, keakraban dan hubungan baik antara penutur dengan pendengar. Misalnya, penghormatan murid terhadap guru dalam filem-filem ini dapat dilihat melalui lakuan permintaan maaf terhadap kesalahan yang dilakukan, penggunaan kata sapaan dan ucapan terima kasih. Dalam konteks pendidikan, penggunaan bahasa yang lembut dan sopan seorang guru dalam mengujarkan sesuatu ujaran boleh dijadikan contoh kepada murid-murid. Ujaran murid yang menggunakan kata sapaan yang hormat dan santun seperti teacher atau cikgu dalam kedua-dua filem ini menunjukkan murid-murid beradab dan sopan ketika bercakap dengan guru mereka. Justeru itu, lakuan pertuturan melibatkan penggunaan bahasa yang lembut dan sopan ini amat penting dalam melahirkan murid yang cemerlang bukan sahaja dalam akademik tetapi juga memiliki sikap yang unggul dan terpuji seperti mana hasrat yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Lakuan pertuturan antara watak utama dalam filem ‘Adiwiraku’ dan filem ‘Yek Icin Mahak’ juga menunjukkan persamaan dari segi lakuan yang paling dominan diujarkan oleh watak utama iaitu lakuan direktif. Watak utama dalam filem ‘Adiwiraku’ ialah Teacher Cheryln manakala watak utama dalam filem ‘Yek Icin Mahak’ ialah cikgu Aisyah. Lakuan ini paling banyak digunakan oleh watak utama dalam kedua-dua filem kerana lakuan ini menggambarkan ciri-ciri yang ada pada seorang guru seperti suka bertanya, memberi arahan dan nasihat. Semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung dalam kedua-dua filem ini, guru banyak menggunakan lakuan direktif pertanyaan untuk bertanya dan berinteraksi dengan murid. Melalui lakuan direktif juga kita dapat lihat lakuan ini paling banyak digunakan semasa guru memberi arahan kepada murid-murid dalam kedua-dua filem. Lakuan direktif arahan juga menggambarkan ciri yang perlu ada dalam diri seorang di mana tugas guru adalah untuk memberikan arahan dan panduan kepada murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung atau sebelum memulakan sesuatu aktiviti pembelajaran. Tegasnya, lakuan ini banyak digunakan dalam kedua-dua filem kerana menggambarkan ciri-ciri yang perlu ada dalam diri seorang guru.

### **Perbezaan dari Segi Penggunaan Lakuan Pertuturan antara Filem ‘Adiwiraku’ dan Filem ‘Yek Icin Mahak’**



**Rajah 3:** Perbezaan lakuan pertuturan antara filem ‘Adiwiraku’ dan filem ‘Yek Icin Mahak’



Berdasarkan ujaran-ujaran dalam kedua-dua filem berunsurkan pendidikan ini terdapat perbezaan dari segi subkategori dalam lakuan komisif. Subkategori lakuan komisif yang terdapat dalam filem 'Adiwiraku' ialah lakuan penawaran, perjanjian dan penolakan manakala filem 'Yek Icin Mahak' pula hanya terdapat lakuan perjanjian dan penolakan. Lakuan penawaran tidak terdapat dalam filem 'Yek Icin Mahak' kerana filem ini tidak melibatkan sebarang penawaran yang bertujuan untuk menawarkan sesuatu kepada orang lain seperti mana filem 'Adiwiraku'. Hal ini dikatakan demikian kerana lakuan penawaran dalam konteks filem ini melibatkan pertandingan choral speaking yang mana usaha berbentuk penawaran seperti insertif atau ganjaran perlu dilakukan untuk menarik minat-murid mengikuti pertandingan tersebut. Sebagai contoh, guru dalam filem 'Adiwiraku' mengujarkan lakuan ini untuk mengajak murid-murid mengikuti pertandingan choral speaking dengan menawarkan bonus jika mendapat keputusan yang kurang memuaskan dalam bahasa Inggeris. Jelaslah, lakuan penawaran dalam filem 'Adiwiraku' untuk mencungkil bakat yang ada dalam diri murid-murid dan meningkatkan keyakinan mereka untuk bercakap dalam bahasa Inggeris.

Selain itu, terdapat perbezaan dari segi bahasa iaitu bahasa sapaan dalam mengujarkan sesuatu ujaran bagi filem 'Adiwiraku' dan filem 'Yek Icin Mahak'. Bagi filem 'Adiwiraku', bahasa sapaan yang digunakan dalam filem-filem ini menunjukkan penutur lebih beradab dalam percakapannya. Walaupun bahasa sapaan yang digunakan dalam pelbagai bahasa berbeza namun bahasa tersebut masih sama maksudnya dalam sesuatu situasi. Sebagai contoh, bahasa sapaan yang digunakan filem 'Adiwiraku' semasa melakukan sapaan ialah 'good morning' dan 'hi'. Manakala, filem 'Yek Icin Mahak' pula melibatkan bahasa sapaan seperti 'assalamualaikum', 'selamat datang', 'selamat pagi' dan 'selamat petang'. Ujaran sapaan ini digunakan sebagai doa dan harapan baik penutur terhadap keselamatan dan kesejahteraan pendengar misalnya ujaran 'assalamualaikum'. Ujaran 'assalamualaikum' sering digunakan oleh penganut agama Islam apabila bertemu antara satu sama lain sebagai tanda hormat atau santun penutur kepada pendengar sebelum memulakan sesuatu komunikasi. Contohnya, guru dalam filem 'Yek Icin Mahak' menggunakan bahasa sapaan untuk bercakap dengan kawannya yang beragama Islam. Perkataan 'good morning' kebanyakan diujarkan oleh penutur yang bukan penganut bukan agama Islam dan juga melibatkan konteks pengajaran bahasa Inggeris seperti yang terdapat dalam filem 'Adiwiraku'. Walaupun bahasa sapaan yang diujarkan dalam kedua-dua filem ini berbeza namun masih membawa makna yang sama dan juga digunakan sebagai tanda penghormatan kepada mereka yang lebih tua atau berjasa kepada mereka.

Seterusnya, terdapat juga perbezaan segi bahasa yang digunakan dalam mengujarkan sesuatu ujaran bagi filem 'Adiwiraku' dan filem 'Yek Icin Mahak'. Bagi filem 'Adiwiraku', lakuan pertuturan melibatkan penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Dalam filem ini, ujaran dalam bahasa Inggeris lebih menonjol kerana melibatkan watak utama iaitu guru bahasa Inggeris yang berusaha untuk menarik minat murid-muridnya mengikuti pertandingan Choral Speaking. Hal ini menyebabkan murid-murid juga banyak mengujarkan ujaran dalam bahasa Inggeris. Filem 'Yek Icin Mahak' pula melibatkan penggunaan bahasa Melayu dan juga dialek orang Asli. Walau bagaimanapun, bahasa orang Asli hanya digunakan oleh murid orang Asli, masyarakat orang Asli dan guru yang berkebolehan berbahasa orang Asli ini. Perbezaan bahasa antara bahasa Melayu dan dialek agak ketara beza dari segi ejaan, penggunaan kata dan intonasi. Salah satu perbezaan utama yang dapat dilihat ialah penggunaan kata. Murid dan masyarakat orang Asli dalam filem 'Yek Icin Mahak' menggunakan perkataan yang tidak sama ejaan, sebutan dan intonasinya dalam bahasa Melayu. Hal ini disebabkan oleh pengaruh budaya, persekitaran dan tradisi mereka yang berbeza dengan orang Melayu.

Perbezaan lakuan pertuturan juga dapat dilihat dari segi intonasi antara guru yang mengajar dalam filem 'Adiwiraku' dan filem 'Yek Icin Mahak'. Lakuan pertuturan guru yang mengajar dalam bahasa Inggeris berbeza dengan guru yang mengajar dalam bahasa Melayu. Misalnya, guru yang mengajar menggunakan bahasa Inggeris iaitu Teacher Cheryl dalam filem 'Adiwiraku' lebih cenderung menggunakan intonasi yang lebih jelas dan memberi penekanan kepada perkataan-perkataan penting yang akan diujarkan. Manakala guru yang mengajar dalam bahasa Melayu iaitu cikgu Aisyah dalam filem 'Yek Icin Mahak' melibatkan intonasi yang lebih lembut, sopan namun masih lagi memberi penekanan terhadap perkara yang dibincangkan. Perbezaan dari segi intonasi ini berlaku disebabkan oleh perbezaan persekitaran pendidikan di mana bahasa tersebut digunakan. Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa Inggeris telah digunakan sebagai bahasa komunikasi antara guru bahasa Inggeris dengan murid-murid dalam filem 'Adiwiraku' manakala bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa komunikasi antara guru yang mengajar dalam bahasa Melayu dalam filem 'Yek Icin Mahak'.

Perbezaan dari segi status sosial juga dapat dilihat antara filem 'Adiwiraku' dan filem 'Yek Icin Mahak'. Lakuan pertuturan yang melibatkan status sosial ialah lakuan arahan. Hal ini dikatakan demikian kerana lakuan ini sering diujarkan oleh mereka yang mempunyai status sosial yang lebih tinggi daripada pendengar. Lakuan pertuturan arahan dalam filem 'Adiwiraku' sering digunakan oleh warga pendidik yang memegang jawatan sebagai guru dan juga ketua dalam pasukan choral speaking. Sebagai contoh, guru dalam filem 'Adiwiraku' iaitu Teacher Constant mengarahkan pendengar untuk mengikuti jadual latihan yang perlu diikuti oleh pasukan Choral Speaking. Manakala lakuan arahan dalam filem 'Yek Icin Mahak' hanya melibatkan mereka yang mempunyai status sosial yang tinggi iaitu mereka yang memegang jawatan sebagai seorang guru. Misalnya, guru dalam filem 'Yek Icin Mahak' mengarahkan murid-muridnya untuk mengeluarkan buku latihan. Mereka yang mempunyai status sosial yang lebih rendah dalam filem-filem ini juga sering mengujarkan ujaran yang lebih santai dan juga melibatkan dialek seperti mana watak dalam filem 'Yek Icin Mahak' yang menggunakan dialek orang Asli dalam ujarannya semasa bertutur. Jelaslah, perbezaan lakuan pertuturan dapat dilihat melalui status sosial yang lebih tinggi dengan status sosial yang rendah.

Perbezaan lakuan pertuturan juga dapat dilihat dari segi perkataan antara filem 'Adiwiraku' dan filem 'Yek Icin Mahak'. Perkataan yang digunakan untuk menyatakan komitmen atau janji yang akan dilaksanakan pada masa akan datang dalam lakuan direktif perjanjian berbeza antara filem 'Adiwiraku' dan filem 'Yek Icin Mahak'. Hal ini dikatakan demikian kerana filem 'Adiwiraku' menggunakan perkataan 'will' dalam lakuan direktif perjanjian bagi memenuhi syarat-syarat perjanjian yang telah ditetapkan. Manakala filem 'Yek Icin Mahak' menggunakan perkataan 'akan' untuk memberikan kepastian tentang apa yang dijangka akan berlaku dan mengukuhkan komitmen antara pihak-pihak yang terlibat dalam perjanjian tersebut. Begitu juga dengan perkataan 'No' yang digunakan dalam filem 'Adiwiraku' untuk membuat penolakan terhadap apa yang diucapkan oleh pendengar untuk melakukan sesuatu. Manakala filem 'Yek Icin Mahak' menggunakan perkataan 'tidak' atau 'tak' untuk membuat sesuatu penolakan. Walaupun perkataan-perkataan ini dieja berbeza dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris namun masih mempunyai makna yang sama.

Di samping itu, perbezaan lakuan pertuturan juga dapat dilihat dari segi faktor kawasan dan persekitaran antara filem 'Adiwiraku' dan filem 'Yek Icin Mahak'. Lakuan pertuturan guru di kawasan luar bandar lebih formal berbanding dengan guru di kawasan pedalaman. Guru lebih cenderung menggunakan lakuan formal semasa mengajar di bandar dan luar bandar berbanding kawasan pedalaman kerana ingin mencerminkan standard pendidikan yang lebih tinggi. Misalnya, teacher Cheryl dalam filem 'Adiwiraku' kebanyakan mengujarkan sesuatu ujaran menggunakan bahasa yang lebih formal. Semasa mengajar dan berkomunikasi dengan murid, beliau menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Namun, bahasa Inggeris lebih dominan kerana beliau mengajar subjek bahasa Inggeris. Teacher Cheryl juga tidak menggunakan dialek Kedah dalam percakapannya walaupun ada sesetengah murid menggunakan dialek tersebut dalam percakapannya. Hal ini dikatakan demikian kerana teacher Cheryl bukan berasal daripada negeri tersebut dan juga bagi seorang guru penggunaan bahasa formal lebih baik berbanding bahasa tidak formal. Bagi guru di kawasan pedalaman pula lakuan pertuturan yang diujarkan kurang formal dan lebih santai. Sebagai contoh, cikgu Aisyah dalam filem 'Yek Icin Mahak' kebanyakan mengujarkan ujaran menggunakan bahasa yang lebih mudah difahami bagi memastikan murid-murid orang Asli memahami apa yang diujarkan kerana tahap penguasaan kosa kata bahasa Melayu mereka rendah.

Melalui filem 'Adiwiraku' dan filem 'Yek Icin Mahak' terdapat juga perbezaan lakuan pertuturan yang dapat dilihat dari segi latar belakang murid. Murid yang berasal daripada negeri Kelantan, Terengganu dan Kedah kebanyakan menggunakan dialek dalam percakapannya. Perbezaan ini mempengaruhi cara mereka untuk berkomunikasi. Misalnya, murid dalam filem 'Adiwiraku' menggunakan dialek kedah dalam ujarannya seperti perkataan 'hang' merujuk kepada 'awak' dan 'pi' merujuk kepada 'pergi' semasa berkomunikasi dengan rakannya. Struktur ayat digunakan semasa mengujarkan sesuatu ujaran juga berbeza daripada bahasa Melayu standard kerana lebih ringkas dan mengabaikan beberapa elemen tatabahasa yang dianggap tidak penting dalam dialek mereka seperti 'berani mai ah' merujuk kepada 'berani mari lah' dalam bahasa Melayu standard. Manakala dalam filem 'Yek Icin Mahak', murid iaitu Udin menggunakan dialek orang Asli untuk berkomunikasi dengan emaknya, komuniti masyarakat orang Asli yang lain dalam filem ini dan juga cikgunya. Perbezaan latar belakang murid dari segi dialek yang digunakan semasa mengujarkan sesuatu ujaran ini bukan sahaja

mempengaruhi aspek linguistik seperti sebutan dan kosa kata tetapi juga mempengaruhi aspek pragmatik iaitu makna yang terdapat dalam ujaran tersebut.

Akhir sekali, perbezaan lakuan pertuturan dapat dilihat dari segi bidang dan subjek yang diajar oleh guru yang memegang watak utama dalam filem 'Adiwiraku' dan filem 'Yek Icin Mahak'. Lakuan yang diujarkan oleh teacher Cheryl dalam filem 'Adiwiraku' kebanyakan melibatkan struktur dan tatabahasa dalam bahasa Inggeris. Hal ini dikatakan demikian kerana teacher Cheryl merupakan cikgu yang mengajar subjek bahasa Inggeris di sekolah tersebut. Namun begitu, terdapat juga lakuan pertuturan yang diujarkan teacher Cheryl melibatkan peralihan kod (code switching) antara bahasa Inggeris dan bahasa Melayu semasa mengajar dan berkomunikasi dengan murid. Hal ini bagi memastikan murid memahami perkataan yang sukar difahami dalam bahasa Inggeris. Guru yang mengajar Matematik iaitu cikgu Aisyah dalam filem 'Yek Icin Mahak' kebanyakan mengujarkan sesuatu ujaran melibatkan struktur dan tatabahasa dalam bahasa Melayu. Cikgu Aisyah menggunakan bahasa Melayu semasa mengajar supaya murid dapat memahami makna disebalik ujaran tersebut. Lakuan pertuturan melibatkan penggunaan bahasa Melayu lebih mudah difahami berbanding dengan bahasa Inggeris terutamanya apabila melibatkan tahap penguasaan murid yang kurang baik dalam bahasa Inggeris. Tambahan pula sebutan dalam bahasa Inggeris sangat ketara perbezaannya dalam bahasa Melayu.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dua filem yang dikaji jelas menunjukkan terdapat persamaan dan perbezaan walaupun kedua-dua filem ini berunsurkan pendidikan. Persamaan dan perbezaan ini bukan sahaja dapat dilihat dari segi kategori lakuan pertuturan sahaja tetapi juga melibatkan pelbagai aspek. Persamaan lakuan pertuturan Searle (1969) dapat dilihat dari segi kategori lakuan pertuturan iaitu lakuan direktif, asertif, ekspresif dan komisif. Terdapat juga persamaan dari segi subkategori lakuan pertuturan direktif, asertif dan ekspresif. Selain itu, ada juga persamaan dari segi penggunaan ayat iaitu ayat tanya terbuka dan tertutup, penggunaan kata, penggunaan bahasa yang lembut, sopan dan tidak mengguris perasaan lawan tutur atau pendengar serta lakuan yang paling dominan digunakan dalam filem ini. Perbezaan pula dapat dilihat dari segi subkategori lakuan komisif, bahasa iaitu bahasa sapaan dan penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, intonasi, status sosial, perkataan, faktor kawasan dan persekitaran, latar belakang murid dan bidang serta subjek yang diajar. Jelaslah, lakuan pertuturan dalam kedua-dua filem ini juga mempunyai perbandingan dari segi lakuan pertuturan walaupun sama-sama berunsurkan pendidikan. Dengan ini diharapkan pada masa yang akan datang, pengkaji-pengkaji bahasa turut mengkaji aspek lakuan pertuturan dalam filem-filem lain yang berunsurkan pendidikan. Hal ini dikatakan demikian kerana banyak filem berunsurkan pendidikan boleh dijadikan bahan bantu mengajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Akhir sekali, pengkaji-pengkaji akan datang juga boleh melihat sejauhmanakah lakuan pertuturan Searle (1969) dapat diaplikasikan dalam konteks filem dan bagaimana lakuan ini dapat membantu dalam meningkatkan pemahaman dan keberkesanan komunikasi pendidikan melalui media ini.

## RUJUKAN

- Aminuddin Saimon. (2021). Lakuan Pertuturan dalam Filem Nordin Ahmad. *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 4(1), 033-052. <https://ejournal.plm.org.my/index.php/jurnalinguistik/article/view/201/159>
- Dorinë Rakaj. (2023). An Analysis of Speech Acts in the Movie Hive. *Theory and Practice in Language Studies*. 13 (11), 2729-2733. <https://dx.doi.org/10.17507/tpls.1311.01>
- Maya Khehlani David. (2016). Using Movies to Teach the Speech Act of Refusals. University of Malaya.
- Miroslav Cerny. (2017). On the Function of Speech Acts in Doctor-Patient Communication On the Function of Speech Acts in Doctor-Patient Communication. *Linguistica ONLINE*, 1-15.
- Mustafa Atan. (2010). *Implikatur dalam Ujaran Watak dalam Filem Seniman Agung P. Ramlee*. [Tesis PhD]. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

*Analysis of the Similarities and Differences Between Two Education-Based Films from the Perspective of Speech Acts*

- Norajihah Muda & Raja Masittah Raja Ariffin. (2014). Makna Ungkapan dalam Perbualan Kanak Kanak Perempuan Berdasarkan Teori Imej. *Jurnal Pendidikan Bitara Upsi*, 7, 96-105. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPB/article/view/2442/1884>
- Norsimah Mat Awal & Marlyna Maros. (2021). *Pragmatik dalam Konteks Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Asyqin Iylia Zaini & Aminnudin Saimon. (2023). Pancaran Akal Budi Dalam Filem Semerah Padi: Analisis Lakuan Bahasa. *The International Young Scholars Journal of Languages (IYSJL)*, 6, 21-32.
- Siti Nur Adibah Sabarudin & Aminnudin Saimon. (2021). Lakuan Pertuturan dalam Video Infografik COVID-19. *Jurnal Bahasa*, 21(2), 325-352. [https://doi.org/10.37052/jb21\(2\)no7](https://doi.org/10.37052/jb21(2)no7)
- Zuraini Ramli. Norliza Jamaluddin. Alizah Lambri. (2023). *Penyelidikan itu mudah! Panduan Penyelidikan Bahasa dalam Pendidikan*. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak.